



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 5

11hb Mac 2010

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 671.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Shahrul Natasha binti Halid, Penolong Pentadbir Tanah Hulu Langat pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 18 Mac 2010 pada jam 9.30 pagi di Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat, Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat, Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM215,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Belas Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM97,616.21. Nama Pemegang Gadaian: Citibank Berhad.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM21,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Ribu Lima Ratus sahaja).

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar, selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 15 Julai 2010 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Ampang. No. Lot/P.T.—32510. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 32665. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3447/1999, Jilid 764, Folio 51. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Januari 2010

*Pentadbir Tanah
Hulu Langat*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 672.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Tujuan Cadangan Menaiktaraf Jalan dari PGA Cheras ke Taman Mudun, Mukim Cheras.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Mukim—Pekan Cheras.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		(Hektar)	(Ekar)
503	5156	Chong Chen Hin 11/16 bhg. dan Chong Chen Kian 5/16 bhg.	1.854	0.1935
409	1613	Longwin Holdings Sdn. Bhd. 1/2 bhg. dan Longwin Holdings Sdn. Bhd. 1/2 bhg.	4.019	0.3760

Bertarikh 23 Februari 2010
[PTD.HL(T) 600-7/2/6-2009]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
*Pengarah Tanah dan Galian
Selangor*

No. 673.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Tujuan Cadangan Membaik Pulih Tangki Air di Kampung Sungai Lui Mukim Hulu Langat.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Mukim—Hulu Langat. No. Lot Ukur—2349. Hakmilik atau Pendudukan—G.M. 1176. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Ramlah binti Hahi Abdul Hamid 1/1 bhg. Keluasan Lot—1.1508 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.188 ekar.

Bertarikh 23 Februari 2010
[PTD.HL(T) 600-7/6/4-2009]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
*Pengarah Tanah dan Galian
Selangor*

No. 674.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud awam seperti berikut:

Cadangan Projek Lebuhraya Persekutuan II (Tambahan).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaklah tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Petaling. Mukim—Bukit Raja. No. Lot Ukur—4599. Hakmilik atau Pendudukan—G 27450. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Prestige Automobiles Realty Sdn. Bhd. Keluasan Lot—1.3002 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.1400 hektar.

Bertarikh 2 Mac 2010
[PTG. Sel. 3/LLM/02/36. Jld. 1]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
Pengarah Negeri

No. 675.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud awam seperti berikut:

Cadangan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Tambahan).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaklah tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Sepang. Mukim—Sepang. No. Lot Ukur—Blok 543. Hakmilik atau Pendudukan—H.S.(M) 653. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Raman s/o Armon. Keluasan Lot—2.0234 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.2874 hektar.

Bertarikh 2 Mac 2010
[PTG. Sel. 3/KP/08/99]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
Pengarah Negeri

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA